

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 7 TAHUN 1977**

#### **DASAR TAMBAHAN MENGENAI PEMBERIAN MILIK TANAH KEPADА PENEROKA-PENEROKA DALAM RANCANGAN L.K.T.N**

MMK yang bersidang pada 16.10.1975 selepas menimbang kertas Bil.19/709/75(4) telah membuat satu dasar mengenai pemberian milik tanah kepada peneroka-peneroka dalam rancangan LKTN. Dasar ini telah pun diedarkan kepada semua P.H.T bagaimana Pekeliling P.T.G. Bil.3/1975 yang telah dikeluarkan pada 13.11.1975.

2. Mengikut dasar yang disebut di atas tanah yang diberi milik kepada peneroka-peneroka dalam rancangan LKTN hendaklah dikenakan beberapa sekatan hakmilik dan salah satu daripadanya berbunyi seperti berikut:-

- (i) .....
- .....
- (ii) Tidak boleh didaftarkan dengan nama lebih dari seorang tuanpunya melainkan sebagai penguasa (Administrator) atau sebagai Penjaga Amanah (Trustee).
- (iii) .....
- .....

3. Sungguhpun tujuan ‘sekatan kepentingan’ yang di atas mempunyai motif yang baik, tetapi ada kalanya dalam kes yang tertentu sukar hendak dipraktikkan. Umpamanya bila suami/isteri peneroka itu bercerai, sedangkan tanah itu dimajukan dan diusahakan bersama-sama bertahun-tahun lamanya, maka mereka berkehendakkan supaya tanah itu diberi milik dengan nama dua orang secara berkongsi. Begitu juga dalam kes bila peneroka yang berkenaan telah meninggal dunia dengan meninggal dua

orang anak yang mahukan tanah itu diberi milik kepada mereka berdua. Sedangkan mengikut dasar di perenggan 2(ii) di atas tanah-tanah itu tidak boleh didaftarkan dengan nama lebih dari satu orang.

4. Untuk mengatasi kesulitan di atas MMK yang bersidang pada 14.7.1977, selepas menimbang kertas bil.7/352/77 (6) telah membuat keputusan supaya ‘sekatkan kepentingan’ yang dinyatakan dalam perenggan 2(ii) di atas dilonggar sedikit dalam kes-kes yang tertentu: umpamanya peneroka yang berkenaan telah mati atau bercerai dan bekas isteri atau anak-anak mereka berkehendakan supaya namanya dimasukkan sama di dalam hakmilik yang berkenaan. Dalam kes yang serupa, MKK telah membuat keputusan sebagai ‘alternative’ bagaimana berikut :-

- (a) P.H.T hendaklah menggunakan budibicara menyelesaikan dengan jalan dibuat perundingan, atau dengan cara cucur-menyucur antara waris/bekas suami/bekas isteri supaya jika dapat tanah-tanah itu didaftarkan dengan nama seorang sahaja.
- (b) Jika tidak dapat dielakkan, maka bolehlah tanah-tanah itu diberi milik dan didaftarkan dengan cara dua lot yang berasingan (kecuali lot bekas rumah).
- (c) Jika sekiranya cara pakatan dengan budibicara PHT tidak dapat dijalankan maka PHT diberi kuasa untuk menjual usaha atas lot tanah berkenaan kepada sesiapa juga yang tidak bertanah dan pendapatan harga jualan itu diberikan kepada yang berhak menerimanya.

5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bil.3/1975 yang telah dikeluarkan pada 13.11.1975.

Saya yang menurut perintah:

t.t

**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**

Pengarah Tanah Dan Galian  
Kelantan

**KEPADA:**

Semua P.H.T dan Penolong P.H.T Kelantan.

Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang.

**SALINAN KEPADA:**

Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pengarah L.K.T.N Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN, KOTA BHARU**

**FAIL :** PTG.(KN) 15459/(39)

PTG.(KN). 1976/(15)

MTTM. 188/76(13)

**KOTA BHARU :** 19HB MEI 1977